

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	01 DECEMBER 2016

Serangan Dr. Mahathir hanya menguntungkan DAP

UM-1/12/2016

KUALA LUMPUR 30 Nov. - Serangan bertali arus Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap kerajaan dan UMNO dilihat hanya memberi kelebihan kepada DAP yang menunggu masa untuk melemahkan kuasa politik orang Melayu.

Wakil Selangor, **Mimie Harianie Alias** berkata, bekas Perdana Menteri itu seharusnya lebih tahu dan sedar agenda tertentu sesetengah pihak yang berhasrat untuk memecahbelahkan orang Melayu dan seterusnya menjadikan kuasa politik Melayu mudah diperlekehkan.

"Tindakan beliau yang tidak putus-putus menyerang UMNO dan menubuhkan parti baharu, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) memecahbelahkan lagi orang Melayu di negara ini.

"Dr. Mahathir perlu ingat UMNO adalah parti yang mengangkat beliau menjadi pemimpin selama 22 tahun. Saya hormati beliau sebagai pemimpin dahulu, tetapi tolong jangan jadi kacang lupakan kulit," katanya ketika menyokong usul ucapan dasar Ketua Puteri UMNO dalam



MIMIE HARIANIE ALIAS

Perhimpunan Agung Pergerakan Puteri UMNO 2016, di sini hari ini.

Sementara itu wakil Kedah, **Faizah Pear Muhamad** menyeru seluruh pejuang UMNO untuk memberi tentangan habis-habisan terhadap gerakan memusnahkan UMNO yang dipimpin oleh bekas Perdana Menteri itu.

Beliau menyifatkan tindakan itu tidak lebih hanya mahu memusnahkan orang Melayu dan menggesa ahli-ahli parti mem-



FAIZAH PEAR MUHAMAD

perteguhkan kesetiaan kepada parti supaya tidak termakan dengan kata-kata tohmahan yang dilemparkan.

"Parti ditubuhkan Dr. Mahathir sedang mencari ahli baru dan sudah tentu mereka mengharapkan kehadiran ahli UMNO yang berpaling tadah. Jangan sesekali kita berbuat demikian. Walaupun beliau pernah menjadi idola kita, demi parti kita harus tentang habis-habisan," katanya.